

# KUBURKANLAH SEKOLAH-SEKOLAH MELAYU?

Untuk melayan kebebasan fikiran maka di bawah ini disiarkan dua makalah yang mengiktirad makalah “Anak Melayu” yang disiarkan oleh majalah ini dalam bilangan 33 yang lalu di bawah tajuk “Kuburkanlah Sekolah-sekolah Melayu”.

Sebenarnya makalah “Anak Melayu” itu jika diperhati dengan teliti nescaya didapati kandungannya bertujuan hendak menyedarkan orang Melayu akan nasib anak-anak mereka yang belajar di dalam sekolah-sekolah Melayu supaya dapat diikhtiarakan jalan bagi meninggikan taraf dan darjah pelajaran dalam sekolah-sekolah Melayu itu. Sebenarnya hal keadaan sekolah-sekolah Melayu seperti sekarang adalah suatu jenayah atas keturunan Melayu yang akan datang.

Mudah-mudahan penulis-penulis makalah yang di bawah ini akan mengambil langkah dan tindakan kepada pihak yang berkenaan untuk diperbaiki dan ditinggikan taraf pelajaran sekolah-sekolah Melayu bagi menghadapi zaman kemerdekaan yang cemerlang –pengarang.

## JANGAN LEKAS PUTUS HARAP!

(oleh Yayat)

Tuan “Anak Melayu” dalam majalah Qalam keluaran yang lepas, memberi fikiran supaya sekolah-sekolah Melayu dikuburkan. Saya harap janganlah kiranya ramai orang-orang Melayu yang bersifat lekas putus harap seperti tuan “Anak Melayu” itu – marahkan pijat-pijat kelambu hendak dibakar. Bukanakah Tuan “Anak Melayu” sendiri berbangsa Melayu dan tetap berbahasa Melayu? Adakah bangsa-bangsa lain yang sanggup membaiki kelemahan kita?

Semenjak orang-orang Inggeris bertapak di Tanah Melayu hampir dua ratus tahun lamanya, hanya baharu lepas perang dunia yang kedua ini sahaja dirancangkan kemerdekaan untuk Tanah Melayu setelah jiwa anak-anak Melayu disemai dengan berbagai-bagai kebudayaan Barat dalam masa yang begitu lanjut kerajaan Inggeris tak dapat melayan kehendak-kehendak orang Melayu dengan memberi didikan pelajaran yang lebih tinggi melalui bahasanya (Bahasa Melayu) di sekolah-sekolah Melayu. Pelajaran tinggi adalah diberi melalui Bahasa Inggeris, sebagaimana yang diketahui iaitu dalam batasan yang sempit. Bahasa Melayu tak dapat digunakan dalam pemerintahan negeri ini, bahkan di Pulau Pinang dan Singapura, Bahasa Melayu adalah digunakan oleh penduduk-penduduknya hatta bangsa Melayu sendiri dengan keadaan

yang sangat berhad. Inilah akibat anjuran kerajaan Inggeris dan kelalaian bangsa kita sendiri setelah kedaulatan Melayu tertandas semenjak T.M. 1511.

Kepada siapakah patut orang-orang Melayu mengadukan hal ini supaya kedudukan bangsa dan bahasa mereka dapat diubah kepada keadaan yang lebih baik? Orang-orang bijak pandai Melayu sungguh pun ada mempunyai tenaga yang mungkin dapat memberi sumbangan yang penuh, tetapi mereka tidak akan bergerak sekiranya mereka tidak mendapat anjuran dari lain pihak. Pihak kesatuan guru-guru, kesatuan penuntut-penuntut dan kesatuan persuratan tidak mempunyai tenaga yang kuat untuk menganjurkan. Saya rasa, kesatuan-kesatuan politik seperti UMNO dan FAMAS adalah lebih sesuai menganjurkan pergerakan ini dengan jalan mendesak pihak yang berkuasa.

Masanya untuk bertindak masih belum luput. Saya harap kesatuan-kesatuan politik tidak akan memandang perkara ini suatu perkara kecil dalam langkahan membentuk kemerdekaan Malaya. Kita faham adalah sesuatu langkahan yang dianjurkan oleh parti-parti politik membuat apa-apa tuntutan kepada kerajaan selalunya mendapat kejayaan.

Kita faham juga bahawa perkaitan bahasa dengan kemerdekaan bangsa tak dapat dipisahkan. Oleh itu sekiranya

bahasa tidak dipandang begitu mustahak dalam kalangan bangsa itu. Tentulah kemerdekaannya tidak bererti tidak ada satu bangsa yang berdaulat di dalam dunia ini yang menggunakan lain-lain bahasa dalam pemerintahan negaranya. Sungguhpun keadaan politik di Tanah Melayu sangat berlainan dengan kedudukan politik di lain-lain negeri, tetapi langkah mengembalikan semula kedaulatan Melayu di negeri ini adalah suatu langkah yang bijak dan adil.

Tidak ada apa-apa halangan yang menggalangkan maksud kita hingga dapat tercapai apa-apa yang dirancangkan: Seperti meninggikan pelajaran di sekolah-sekolah Melayu adalah suatu perkara yang mudah dijalankan dengan syarat hendaklah pihak kerajaan memandang tinggi akan kebolehan murid-murid lepasan sekolah-sekolah itu dengan tidak mementingkan bahasa Inggeris sahaja seperti sekarang. Dan bukan suatu perkara mustahil orang-orang Melayu dapat mempelajari berbagai-bagai pengetahuan melalui bahasa di universiti mereka sendiri kelak.

Walaupun beberapa ramai orang-orang Melayu yang telah mendapat didikan dan pelajaran tinggi melalui sekolah-sekolah Inggeris. Tetapi saya percaya mereka mempunyai minat yang baik terhadap pelajaran dalam bahasanya sendiri. Apatah lagi orang-orang Melayu yang hanya mendapat sedikit-sedikit didikan dari sekolah-sekolah Melayu.

Dalam masa Tanah Melayu merdeka kelak sudah sepatutnya bahasa Melayu mengambil tempat bahasa Inggeris, begitu juga sekolah-sekolahnya. Oleh sebab masanya belum luput lagi, maka langkah ini adalah sangat tepat dijalankan mulai dari sekarang.

Kerajaan telah berjanji akan mengambil langkah mempertinggikan pelajaran-pelajaran di sekolah Melayu; tetapi jalan yang diambil itu adalah berlawanan dengan kehendak-kehendak orang Melayu untuk kepentingan bangsanya kelak. Mungkin jalan ini tidak akan sampai ke mana-mana selagi orang-orang Melayu sendiri tak mahu bertindak.

Semua golongan orang-orang Melayu. Terutamanya pemimpin-pemimpin

politik mungkin akan menyesal kelak sekiranya pelajaran-pelajaran di sekolah Melayu dalam keadaan berkebiaran seperti hari ini sebabnya kita tahu tak sampai sepuluh peratus anak-anak Melayu yang sedang dipimpin di sekolah-sekolah Inggeris untuk menerima pelajaran tinggi; sementara bilangan yang besarnya diberi pelajaran “jangan tidak” di sekolah-sekolah Melayu.

Kesimpulan tulisan saya ialah tidak dikehendaki kesatuan-kesatuan politik bekerja dalam urusan ini; sekadarkan menuntut kepada pihak yang berkuasa supaya disusun suatu cara dengan tujuan meninggikan pelajaran Melayu di sekolah-sekolah Melayu – bukan pelajaran bahasa Inggeris cerdik-cerdik pandai adalah diminta menyumbangkan tenaganya dalam urusan ini atau sekurang-kurangnya menaruh simpati.

\* \* \*

## Hendak ke mana anak Melayu?

(oleh L. Dewan)

Setelah membaca tulisan anak Melayu di dalam majalah ini bilangan 33 yang lalu maka tidak patut rasanya dibiarkan rencana yang beracun itu meresap ke dalam urat saraf kita walaupun racun itu hanya untuk musuh-musuh yang berhati busuk yang bermuka dua yang tidak amanah kepada bangsanya “Hapuskan sekolah-sekolah Melayu!” Alangkah busuknya perkataan itu? Bukankah sama tujuannya hapuskan bangsa Melayu?

Haruslah barangkali anak Melayu (1) Terpengaruh oleh pidato di Pulau Pinang baru-baru ini (2) Putus harap akan darjah pelajaran di sekolah-sekolah Melayu yang pada sangkanya sesia sahaja untuk panduan hidup (3) Putus harap akan usaha-usaha ahli-ahli persuratan dan ahli-ahli bahasa bagi mempertinggi dan memperluaskan bahasa Melayu sehingga dapat menyaingi bahasa-bahasa yang telah maju hari ini. Jika salah satu daripada yang tersebut di atas tidak juga menepati seperti tujuan anak Melayu maka saya nasihatkan kepada anak Melayu eloklah berjumpa dengan doktor otak dengan seberapa segera!

Kalau anak Melayu seorang Idokishinis kenapa tidak keluarkan buah-buah fikiran berkenaan rancangan-rancangan perubahan di dalam dasar-dasar pelajaran yang sedang berjalan sekarang? Kalau fikiran itu berguna tentu sekali pihak kerajaan akan mengambil perhatian dan menimbangkannya. Sebaliknya anak Melayu menyuruh hapuskan sekolah-sekolah Melayu. Tidakkah anak Melayu syukur akan bahasanya hidup hingga sekarang dan tidakkah anak Melayu menyingkap kembali akan lembaran sejarah perkembangan bahasa Melayu dari zaman Tun Sri Lanang. Di zaman orang-orang Melayu mula-mula bersurat khabar seperti Jawi Peranakan, Syams Al-Qamar, ketuk-ketuk, sehingga di zaman Warta Melaya, Warta Jenaka, dan sebagainya. Apakah yang telah diperjuangkan oleh Munsyi-munsyi yang telah berpulang ke alam Baqa' itu? Bukankah disebabkan mereka itu bahasa Melayu hidup sehingga sekarang??

Kita tidak patut melupakan akan jasa-jasa sekalian ahli-ahli bahasa yang telah mengambil bahagian yang besar di dalam memperkembangkan bahasa Melayu walaupun bahasa kita banyak dipinjam dari bahasa-bahasa Sanskrit, Arab, Portugis, Belanda dan Inggeris tetapi tidaklah syak lagi itulah satu daripada jasa-jasa mereka itu yang besar sekali yang tidak akan dilupakan oleh bangsa Melayu. Sekarang anak Melayu mahu sekolah-sekolah Melayu dihapuskan! Bukankah sekolah-sekolah Melayu itu tempat mengajar bahasa Melayu? Apakah tujuan anak Melayu mengesyorkan begitu?

Jika hendak dihapuskan sekolah-sekolah Melayu dan diganti dengan sekolah Inggeris apa pula tujuan anak Melayu? Mahu lihat orang-orang Melayu berjawatan tinggi semuanya? Mahu lihat *social club* tumbuh di sana sini? Mahu jadikan Malaya England yang kedua?

Cuba anak Melayu terangkan dengan jelas apakah sebabnya orang-orang Filipino yang sama seketurunan dengan bangsa Melayu itu tidak memakai bahasa Melayu sekarang. Bolehkah tuan anak Melayu mengadakan satu susunan pelajaran agama di dalam bahasa Inggeris? Bolehkah diganti kitab-kitab fiqh tasawwuf

dan usul al-dīn itu di dalam bahasa Inggeris dan digunakan di pondok-pondok di madrasah-madrasah dan di masjid-masjid?

Anak Melayu mengatakan bahawa ia yakin dengan memasukkan pelajaran Inggeris ke dalam sekolah Melayu lebih besar ruginya kepada anak-anak kita daripada faedah dan gunanya.....Kemudian ia berkata pula orang Melayu sekarang hendaklah mengambil ketetapan yang muktamad iaitu adakah hendak sekolah Inggeris atau hendak Inggeris sekolah Melayu? Kalau hendak sekolah Inggeris terus Inggeris sahaja dan jadikan bahasa Melayu menumpang dan kalau mahu Melayu terus Melayu sahaja dan jadikan bahasa Inggeris itu menumpang inilah ubat yang tidak ada lainnya lagi.....demikian kata anak Melayu.

Di sini nampaknya anak Melayu masih dangkal di dalam karangan sebab perkataannya berbalik-balik. Saya bertanya apakah erti bangkangan anak Melayu berkenaan bahasa Inggeris yang telah diajarkan di dalam sekolah Melayu itu sekarang? Bukankah bahasa Inggeris itu menumpang?

Langkah-langkah yang tidak bertanggung-jawab di zaman pembangunan ini hendaklah dihentikan biarlah orang yang ahlinya sahaja menguruskannya. Kalau ada rancangan hendak menyusun sistem pelajaran sekolah-sekolah Melayu Ayuh! Sila hantar ke pejabat pelajaran, atau hendak menterjemahkan buku-buku pengetahuan zoologi, astronomi, dan sebagainya ke dalam bahasa Melayu untuk bacaan di sekolah-sekolah Melayu buatlah di dalam diam-diam tetapi jangan mencuba mengesyorkan supaya dihapuskan sekolah-sekolah Melayu. Kita hendak peduli jika anak Melayu tidak mengaku dirinya berbangsa Melayu. Tetapi syor menyuruh hapuskan sekolah-sekolah Melayu adalah lebih busuk dan terang-terang menjadi tali barut penjajah.

Anak Melayu takut orang-orang Melayu pada masa yang akan datang akan bekerja menjadi peon-peon, drebar-drebar dan polis-polis biasa sahaja tetapi tidak takut akan kehapusan bahasa Melayu. Jangan tuan khuatir selagi peon-peon, drebar-drebar dan orang-orang polis itu menggunakan bahasanya sendiri di dalam percakapan hari-hari dan di dalam pekerjaannya

tetapi jangan tua tertawa bila drebar-drebar, peon-peon.  
kuli-kuli, mata-mata dan askar-askar tidak dapat bercakap  
menulis dan membaca di dalam bahasa Melayu!

Saya percaya sebabnya anak Melayu terburu-buru menyuruh kuburkan sekolah-sekolah Melayu itu haruslah kerana oleh tersangat marahnya akan tindakan kerajaan tidak mengambil berat akan darjah pelajaran anak-anak Melayu sekarang. Mana kita tahu barangkali kerajaan telah menyiapkan satu sistem pelajaran yang baharu dan lebih tinggi daripada yang dikehendaki oleh anak Melayu itu.

Takkanlah pihak kerajaan British mempunyai dan terus menerus menggunakan dasar pecah belah dan mencampur adukkan taraf dan kedudukan bangsa Melayu melainkan kita dan setengah daripada masyarakat bangsa kita juga yang masih berpecah belah dan suka bercampur aduk. Bercampur aduk tentang pakaian, kelakuan, perasaan bahkan darah juga!

Berkenaan sukatan pelajaran di sekolah-sekolah Melayu tak usahlah hendak digesa-gesa benar pihak pejabat pelajaran. Penguasa kolej dan pejabat pelajaran memang lebih tahu hendak mengaturkan dan menghidangkan dan memilih mana makanan yang berfaedah untuk otak dan pengetahuan budak-budak. Bukan boleh pakai lantik atau memakai dasar “kalau dapat dapat, tak dapat boleh berhenti sekolah” dengan diberi pelajaran-pelajaran yang tidak layak dengan otak budak-budak. Tak usahkan hendak ditinggikan lagi sedangkan tingkat seperti yang ada sekarang pun banyak murid-murid tidak lulus di dalam peperiksaan. Lebih banyak ikut dasar pelajaran sebelum perang dahulu dengan ditambah bahasa Inggeris sebagai “menumpang” sehingga boleh meningkat ke darjah pertengahan (Inggeris). Manakala darjah pertengahan hingga ke Senior Cambridge patut telah dijalankan sekarang di kedua Maktab Perguruan Tanjung Malim dan Melaka- Sekianlah.

## WASIAH YANG BERHARGA

Apabila seorang menyedikitkan makanannya nescaya penuhlah batinnya dengan nur-nur (maksud hadis riwayat al-Dilah)

\* \* \*

Sesungguhnya Allah suka kepada lemah lembut dalam semua urusan. (Maksud hadis sahih riwayat Bukhārī).

\* \* \*

Ada seorang bertanya kepada Rasulullah (SAW) dari hal orang yang berperang kerana keberanian, berperang kerana mempertahankan (sesuatu) dan berperang kerana mahu kepujian -manakah daripada yang tersebut dikatakan berperang pada jalan Allah? Rasulullah bersabda: Barang siapa berperang supaya agama Allah jadi yang paling tinggi maka orang itulah pada jalan Allah. (maksud hadis sahih riwayat Bukhārī dan Muslim).

*Langganan di seluruh Malaya dan Indonesia*

*Tuan boleh sentiasa menentukan*

*\* Potongan baharu dan sajak*

*\* Kain dan benang mutu tinggi*

*\* Upah yang berpatutan*

*\* Sepenuh-penuh puas hati*

*Cheong Fatt Tukang Jahit*

**CHEONG FATT TAILOR**

*Di hadapan Islamic Restaurant dekat jalan Sultan*

*810 North Bridge Road, Singapura.*

*Telefon 23509.*